

CIMB ISLAMIC BANK BERHAD'S TERMS AND CONDITIONS ("TERMS") OF PEMBIAYAAN PERIBADI AWAM-I ("FACILITY") TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT ("TERMA-TERMA") PEMBIAYAAN PERIBADI AWAM-I ("KEMUDAHAN") CIMB ISLAMIC BANK BERHAD

In the event the application of the Applicant ("**Applicant**") named in the *Pembiayaan Peribadi Awam-i* Application Form ("**Facility Application Form**") is approved by CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] ("**Bank**"), the Bank will grant the Applicant the Facility amount as requested by the Applicant or any other amount as determined by the Bank, whichever is the lower. The Facility will be granted in accordance with the Shariah compliance principle of *Commodity Murabahah* and also known as *Tawarruq*. Under this principle, the Bank will purchase Commodity in the approved Facility amount which is also known as Bank's Purchase Price and immediately thereafter sell the Commodity to the Applicant at the Bank's Sale Price on deferred payment terms subject to the Terms herein (the sale of the Commodity to the Applicant by the Bank will be concluded by the Bank as the Applicant's agent). Upon the conclusion of the sale of the Commodity by the Bank to the Applicant, the Bank as the Applicant's agent shall sell the Commodity to any third party at a price equivalent to the Applicant's Sale Price on cash payment terms. The purpose of the Facility shall be for the Applicant's personal use and subject to Terms herein. Upon the approval of the Facility, the Bank will send an SMS to the Applicant's mobile number notifying the Applicant of the Facility amount, profit rate, monthly instalment and tenure approved by the Bank ("**SMS Approval**"). The Applicant acknowledges, accepts and agrees that notwithstanding any difference in the amount, profit rate, monthly instalment or tenure approved by the Bank, the Applicant's utilisation of the whole or part of the Facility shall be taken as the Applicant's irrevocable agreement to accept the revised Facility amount, profit rate, monthly instalment and tenure upon these Terms.

Sekiranya permohonan Pemohon ("**Pemohon**") yang dinamakan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi Awam-i ("**Borang Permohonan Kemudahan**") diluluskan oleh CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] ("**Bank**"), Bank akan memberikan kepada Pemohon jumlah Kemudahan seperti yang diminta oleh Pemohon atau apa-apa amaun lain yang ditentukan oleh Bank, yang mana lebih rendah. Kemudahan akan diberikan mengikut prinsip patuh Syariah iaitu *Komoditi Murabahah* dan dikenali sebagai *Tawarruq*. Di bawah prinsip ini, Bank akan membeli *Komoditi* pada jumlah Kemudahan yang diluluskan juga dikenali sebagai *Harga Belian Bank* dan seterusnya menjual *Komoditi* kepada Pemohon pada *Harga Jualan Bank* atas terma bayaran tertangguh tertakluk kepada Terma-terma di sini (penjualan *Komoditi* kepada Pemohon oleh Bank akan disempurnakan oleh Bank sebagai *ejen Pemohon*). Apabila penjualan *Komoditi* oleh Bank kepada Pemohon disempurnakan, Bank sebagai *ejen Pemohon* akan menjual *Komoditi* kepada mana-mana pihak ketiga pada harga yang bersamaan dengan *Harga Jualan Pemohon* atas terma bayaran tunai. Tujuan Kemudahan ini adalah untuk kegunaan peribadi Pemohon dan tertakluk kepada Terma-terma di sini. Setelah Kemudahan diluluskan, pihak Bank akan menghantar SMS ke nombor telefon bimbit Pemohon untuk memberitahu Pemohon mengenai jumlah Kemudahan, kadar keuntungan, ansuran bulanan dan tempoh Kemudahan yang diluluskan oleh pihak Bank ("**Kelulusan SMS**"). Pemohon mengakui, menerima dan bersetuju bahawa walaupun terdapat perbezaan dalam jumlah Kemudahan, kadar keuntungan, ansuran bulanan atau tempoh yang diluluskan oleh pihak Bank, penggunaan menyeluruh atau sebahagian daripada Kemudahan oleh Pemohon akan diambil sebagai perjanjian yang tidak dapat ditarik balik oleh Pemohon untuk menerima jumlah Kemudahan, kadar keuntungan, ansuran bulanan dan tempoh Kemudahan yang disemak semula berdasarkan Terma-Terma ini.

Applicant's Right to Cancel Facility: The Applicant, prior to any utilization of the Facility, may choose to cancel the Facility within thirty (30) days from the date of the SMS Approval by:

- (i) notifying the Bank at any of our branches or
- (ii) contacting the Bank at 03-6204 7788.

Hak Pemohon untuk Membatalkan Kemudahan: Pemohon, sebelum penggunaan Kemudahan ini, dapat memilih untuk membatalkan Kemudahan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kelulusan SMS dengan:

- (i) memaklumkan kepada pihak Bank di mana-mana cawangan kami atau
- (ii) menghubungi pihak Bank di talian 03-6204 7788.

The cancellation of the Facility within thirty (30) days, as stated above, will not be subjected to any fees and charges. The cancellation is not applicable for Applicant who requested for Debt Consolidation and where the Bank has disbursed the Facility. Notwithstanding any other fees and costs imposed under this Facility and in the event that the Applicant chooses to cancel this Facility, the stamp duty shall be borne by the Applicant.

Pembatalan Kemudahan dalam tiga puluh (30) hari yang dinyatakan di atas tidak akan dikenakan sebarang fi dan caj. Pembatalan ini tidak terpakai untuk Pemohon yang telah membuat permintaan untuk *Penyatuan Hutang*

dan di mana Bank telah mengeluarkan Kemudahan. Walau apa pun fi dan kos lain yang dikenakan di bawah Kemudahan ini dan sekiranya Pemohon memilih untuk membatalkan Kemudahan ini, duti setem hendaklah ditanggung oleh Pemohon.

The Applicant's Sale Price shall first be used to fully settle any of the Applicant's existing *Pembiayaan Peribadi Awam-i* with the Bank (if any), and other outstanding amount arising from personal financing with other institutions as per Applicant's instruction in the Facility Application Form ("**Debt Consolidation**"), stamp duty and Wakalah fee before the balance of the Applicant's Sale Price (if any) is credited to the Applicant's savings or current account with the Bank, CIMB Bank Berhad or other financial institution (*if applicable*) provided by the Applicant. The Applicant is required to provide to the Bank the Applicant's savings or current account with the Bank or CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P) ("**CIMB Bank**") or any other banks in Malaysia for disbursement of the Facility. The Facility will be disbursed into the Applicant's said account as nominated by the Applicant which is approved by the Bank ("**Crediting Account**"). The Applicant promises and warrants that the Crediting Account provided for the disbursement of the Facility is his/her own personal account and not a joint or third party's account. If no account has been nominated by the Applicant, the Applicant consents and authorizes the Bank to disburse the Facility into any of the Applicant's savings or current account with the Bank or CIMB Bank.

Harga Jualan Pemohon hendaklah terlebih dahulu digunakan untuk menyelesaikan dengan sepenuhnya sebarang *Pembiayaan Peribadi Awam-i* Pemohon yang sedia ada dengan Bank (jika ada), dan jumlah tertunggak daripada pembiayaan peribadi dengan institusi-institusi lain menurut arahan Pemohon di dalam Borang Permohonan Kemudahan ("**Penyatuan Hutang**"), duti setem dan fi Wakalah sebelum baki *Harga Jualan Pemohon* (jika ada) dikreditkan ke akaun simpanan atau semasa Pemohon dengan Bank, CIMB Bank Berhad atau institusi kewangan lain (jika berkenaan) yang diberikan oleh Pemohon. Pemohon dikehendaki mengemukakan akaun simpanan atau semasa Pemohon dengan Bank atau CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] ("**CIMB Bank**") atau bank-bank lain di Malaysia untuk pengeluaran Kemudahan. Kemudahan ini akan dikeluarkan ke dalam akaun Pemohon seperti yang dinamakan oleh Pemohon yang diluluskan oleh Bank ("**Akaun Pengkreditan**"). Pemohon berjanji dan menjamin bahawa Akaun Pengkreditan yang diberikan untuk pengeluaran Kemudahan adalah akaun peribadi beliau sendiri dan bukan akaun bersama atau pihak ketiga. Sekiranya tiada akaun dinamakan oleh Pemohon, Bank boleh melepaskan Kemudahan ke dalam mana-mana akaun simpanan atau semasa Pemohon dengan Bank atau CIMB Bank. Applicant agrees not to use the Facility Amount granted for any purpose against the principles of Shariah.

Pemohon bersetuju untuk tidak menggunakan Jumlah Kemudahan yang diberikan untuk sebarang tujuan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Shariah.

1. DEFINITIONS AND INTERPRETATIONS / DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Definitions / Definisi

"Applicant's Account" means the account from which the Bank is allowed to debit or cause to be debited the monthly instalments and other charges related to the Facility.

"Akaun Pemohon" bermaksud akaun di mana Bank dibenarkan untuk mendebit atau menyebabkan didebit ansuran bulanan dan caj lain yang berkaitan dengan Kemudahan.

"Instalments" means the monthly instalments payable by the Applicant to the Bank for the payment of the Bank's Sale Price upon deferred payment terms.

"Ansuran" ertinya ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada Bank bagi bayaran *Harga Jualan Bank* berdasarkan terma bayaran tertangguh.

"Calendar days" shall mean any day in the Gregorian calendar month including weekends and public holidays.

"Hari kalendar" bermaksud mana-mana hari dalam bulan kalendar Gregorian termasuk hujung minggu dan cuti am.

"Applicant's Sale Price" means the amount payable to the Applicant pursuant to the sale of the Commodity by the Bank as the Applicant's agent subject to the Terms herein and shall also represent the Facility Amount granted by the Bank to the Applicant;

"*Harga Jualan Pemohon*" bermaksud amaun yang perlu dibayar kepada Pemohon menurut penjualan *Komoditi* oleh Bank sebagai *ejen Pemohon* tertakluk kepada Terma-terma di sini dan juga mewakili Jumlah Kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pemohon;

"Bank's Purchase Price" means the purchase price of the Commodity purchased by the Bank via commodity trading platform and shall also represent the Facility Amount granted by the Bank to the Applicant;

"*Harga Belian Bank*" bermaksud harga belian komoditi yang dibeli oleh Bank melalui platform perdagangan komoditi dan juga mewakili Jumlah Kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pemohon;

"Bank's Sale Price" means the sale price of the asset sold by the Bank to the Applicant which is to be paid by the Applicant to the Bank subject to the Terms. The sale price is determined based on the profit rate fixed by the Bank and calculated based on the Asset's value as determined by the Bank. *"Harga Jualan Bank" bermaksud harga jualan aset yang dijual oleh Bank kepada Pemohon yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada Bank tertakluk kepada Terma-terma ini. Harga jualan ditentukan berdasarkan kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Bank dan dikira berdasarkan nilai Aset sepertimana yang ditentukan oleh Bank.*

"Commodity" refers to the commodity used for the commodity trade transactions which shall be crude palm oil or other Shariah compliant commodities other than ribawi items in the category of medium of exchange (such as currencies, gold and silver) and debt instruments which is endorsed by the Bank's Shariah Committee and acceptable to the Bank; *"Komoditi" merujuk kepada komoditi yang digunakan untuk transaksi jual beli komoditi yang merupakan minyak sawit mentah atau komoditi lain yang mematuhi Syariah selain daripada barangan ribawi dalam kategori perantaraan pertukaran (seperti mata wang, emas dan perak) dan instrument hutang yang disahkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank dan boleh diterima oleh Bank;*

"Facility Amount" means the amount applied by the Applicant and approved by the Bank which shall also be the cost of acquiring the Commodity i.e. Bank's Purchase Price and form part of the Bank's Sale Price; *"Jumlah Kemudahan" bermaksud amaun yang dimohon oleh Pemohon dan diluluskan oleh Bank yang juga merupakan kos untuk memperoleh Komoditi iaitu Harga Belian Bank dan menjadi sebahagian daripada Harga Jualan Bank;*

"Financing Tenure" shall mean the period for the payment of the Bank's Sale Price as approved by the Bank; *"Tempoh Pembiayaan" bermaksud tempoh untuk bayaran Harga Jualan Bank yang diluluskan oleh Bank;*

"Tawarruq" consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller (Bank) to a purchaser (Applicant) on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis. *"Tawarruq" terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual (Bank) kepada pembeli (Pemohon) secara tertunda. Selepas itu, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan spot.*

"Murabahah" means a sale and purchase of an asset where the acquisition cost and the mark-up are disclosed to the purchaser. *"Murabahah" bermaksud penjualan dan pembelian aset di mana kos pengambilalihan dan kenaikan dinyatakan kepada pembeli.*

"Profit Amount" means the profit which is calculated based on the Bank's Purchase Price, Profit Rate and Financing Tenure and wherein it shall form part of the Bank's Sale Price. The Profit Amount calculated will be rounded up to nearest Ringgit upon approval, where applicable."

"Jumlah Keuntungan" bermaksud keuntungan yang dikira berdasarkan Harga Belian Bank, Kadar Keuntungan dan Tempoh Pembiayaan dan di mana ia akan menjadi sebahagian daripada Harga Jualan Bank. Jumlah Keuntungan yang dikira akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit terdekat apabila diluluskan, jika berkenaan.

"Profit Rate" means the profit rate fixed by the Bank of up to such percentage as stated in the appointment of agency in the Facility Application Form signed by the Applicant. *"Kadar Keuntungan" bermaksud kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Bank sehingga peratusan seperti yang dinyatakan dalam pelantikan agensi dalam Borang Permohonan Kemudahan yang ditandatangani oleh Pemohon.*

Effective

"Effective Profit Rate" means the profit rate that the customer will effectively pay for the monthly payment. *"Kadar Keuntungan efektif" bermaksud kadar keuntungan yang pelanggan akan bayar dengan efektif untuk bayaran bulanan.*

"KNSB" means Kadar Niaga Sdn Bhd (932639-W) which is the party that arranges and manages the payment of Installments by monthly salary deduction made through the Biro Perkhidmatan Angkasa ("ANGKASA") for any government of Malaysia's employee who apply and eligible for the Facility and the application is approved by the Bank.

"KNSB" bermaksud Kadar Niaga Sdn Bhd (932639-W) iaitu pihak yang mengatur dan menguruskan pembayaran Ansuran secara potongan gaji bulanan yang dilakukan melalui Biro Perkhidmatan Angkasa ("ANGKASA") bagi mana-mana kakitangan kerajaan Malaysia yang memohon dan layak untuk mendapatkan Kemudahan dan permohonan tersebut diluluskan oleh Bank.

"Participation fee" means a monthly fee imposed by KNSB to customer who participate in this financing via monthly salary deduction. *"Fi Penyertaan" bermaksud bayaran bulanan yang dikenakan oleh KNSB kepada pelanggan yang menyertai pembiayaan ini melalui potongan gaji bulanan.*

"Wakalah fee" is an agency fee to facilitate the Commodity Murabahah transaction under Tawaruq concept.

"Fi Wakalah" adalah yuran agensi untuk memudahkan transaksi Murabahah Komoditi di bawah konsep Tawaruq.

"Monthly Collection fee" is a monthly fee imposed by ANGKASA which is the party that arrange the payment of Installments for any government of Malaysia's employee who apply and eligible for the Facility and the application is approved by the Bank.

"Fi Kutipan Bulanan" adalah yuran bulanan yang dikenakan oleh ANGKASA yang merupakan pihak yang mengatur pembayaran Ansuran bagi mana-mana kakitangan kerajaan Malaysia yang memohon dan layak untuk Kemudahan dan permohonan diluluskan oleh Bank.

1.2 Interpretations / Interpretasi

The headings in these Terms are inserted for convenience only and shall not be taken, read and construed as an essential part of these Terms.

Tajuk-tajuk dalam Terma-Terma ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak akan diambil, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian penting Terma-Terma ini.

(i) All references to laws or statutes will include their amendments and reenactments thereof as well as regulatory notices, laws, published rules, policy statements or guidelines issued in relation to such laws or statutes.

Semua rujukan kepada undang-undang atau statut akan termasuk pindaan dan enakmen semula daripadanya serta notis pengawalseliaan, undang-undang, hukum diterbitkan, penyata dasar atau garis panduan yang dikeluarkan berhubung dengan undang-undang atau statut sedemikian.

(ii) Reference to these Terms shall include amendments and modifications to these Terms.

Rujukan kepada Terma-terma ini hendaklah merangkumi pindaan dan pengubahsuaian kepada Terma-Terma ini.

(iii) References importing the plural include the singular and vice versa.

Rujukan yang membawa masuk bilangan jamak termasuklah bilangan tunggal dan sebaliknya.

(iv) If there are two or more persons or parties included or comprised in the expression "the Applicant" any agreement or promise made by or on behalf of such person shall be deemed to be made by or binding upon such persons jointly and severally.

Jika terdapat dua atau lebih orang atau pihak yang dimasukkan atau yang terkandung dalam ungkapan "Pemohon" sebarang perjanjian atau janji yang dibuat oleh atau bagi pihak orang tersebut hendaklah dianggap sebagai dibuat oleh atau mengikat kepada orang tersebut secara berse sama dan berasingan.

(v) References importing the use of gender include any gender.

Rujukan yang membawa masuk penggunaan jantina termasuk sebarang jantina.

(vi) For words or phrases defined in these Terms, other grammatical variations of of such words and phrases shall have the corresponding meaning.

Bagi perkataan atau frasa yang ditakrifkan di dalam Terma-Terma ini, variasi tatabahasa yang lain bagi perkataan atau frasa tersebut hendaklah mempunyai erti yang bersamaan.

2. PAYABLE FEES / FI YANG PERLU DIBAYAR

The stamp duty, participation fees, Wakalah fees, monthly collection fees or charges (if any) payable on the Facility shall be paid by the Applicant.

Duti setem, fi penyertaan, fi wakalah, fi kutipan bulanan, fi atau caj (jika ada) yang perlu dibayar ke atas Kemudahan) hendaklah dibayar oleh Pemohon.

3. SALE OF COMMODITY / PENJUALAN KOMODITI

The sale of the Commodity by the Bank to the Applicant at the Bank's Sale Price is conditional upon the execution of other documents required by the Bank from time to time in the form and content acceptable to the Bank.

Upon conclusion on the sale of the Commodity by the Bank to the Applicant, the legal and/or beneficial title, ownership, rights, risk and interests of the Commodity shall immediately be transferred to the Applicant and the Bank shall immediately enable the Applicant to take possession of the Commodity.

The parties agree that the Commodity is sold on an "as is where is basis" free from all encumbrances, charges, liens and/or restraints whatsoever and without any representation or warranty in respect thereof. The Applicant also agrees to waive his/her right to terminate the sale of the Commodity by the Bank to the Applicant in the event the Commodity is found to be defective.

Penjualan Komoditi oleh Bank kepada Pemohon pada Harga Jualan Bank adalah tertakluk kepada pelaksanaan dokumen lain yang diperlukan oleh Bank dari semasa ke semasa dalam format dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank.

Selepas penyempurnaan penjualan Komoditi oleh Bank kepada Pemohon, hakmilik undang-undang dan/atau benefisial, pemilikan, hak, risiko dan kepentingan Komoditi tersebut hendaklah dipindahmilik dengan segera kepada Pemohon dan—Bank hendaklah dengan segera untuk membolehkan Pemohon mengambil hakmilik Komoditi.

Pihak-pihak di sini bersetuju bahawa Komoditi tersebut dijual atas “dasar sedia ada” bebas daripada semua bebanan, caj, lien dan/atau sekatan dan tanpa apa-apa representasi atau jaminan berkenaan dengannya. Pemohon juga bersetuju untuk mengetepikan haknya untuk menamatkan penjualan Komoditi oleh Bank kepada Pemohon jika Komoditi didapati rosak.

4. APPOINTMENT OF BANK AS AGENT / PELANTIKAN BANK SEBAGAI EJEN

Subject to the approval of the Facility by the Bank, the Applicant appoints the Bank as his/her agent:-

- (a) to execute on the Applicant's behalf the purchase of the Commodity by the Applicant from the Bank at the Bank's Sale Price; and
- (b) to sell the Commodity to any third party at the Applicant's Sale Price after the conclusion of the sale of the Commodity by the Bank to the Applicant.

For the avoidance of doubt, the Bank shall only be obliged to act as the Applicant's agent as stated (a) and (b) above if the Facility has been approved by the Bank.

The agency created herein shall be dissolved:

- (i) upon conclusion of the agency as stated in (a) and (b) above; or
 - (ii) if the Facility granted to the Applicant is terminated prior to execution by the Bank of any of the acts contemplated stated in (a) and (b) above pursuant to a breach of the Terms and Conditions by the Applicant; or
 - (iii) if the Applicant exercises his/her option to terminate the agency due to misconduct, negligence or breach of specified terms of the agency by the Bank;
- In the event of dissolution of agency pursuant to (ii) or (iii) above, the parties liability to the other party for the dissolution of the agency shall be limited to RM1.00.

Tertakluk kepada kelulusan Kemudahan oleh Bank, Pemohon melantik Bank sebagai ejennya:-

- (a) untuk melaksanakan bagi pihak Pemohon pembelian Komoditi oleh Pemohon daripada Bank pada Harga Jualan Bank; dan
- (b) untuk menjual Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga pada Harga Jualan Pemohon selepas penyempurnaan penjualan Komoditi oleh Bank kepada Pemohon.

Untuk mengelakkan keraguan, Bank hanya wajib untuk bertindak sebagai ejen Pemohon seperti yang dinyatakan dalam (a) dan (b) di atas jika Kemudahan telah diluluskan oleh Bank.

Pelantikan ejen akan dibubarkan:

- (i) setelah selesainya perkara-perkara (a) dan (b) di atas; atau
 - (ii) jika Kemudahan yang diberikan kepada Pemohon ditamatkan sebelum pelaksanaan oleh Bank perkara-perkara yang dinyatakan di (a) dan (b) di atas berikutan pengingkaran Terma-Terma oleh Pemohon; atau
 - (iii) jika Pemohon melaksanakan pilihannya untuk membatalkan pelantikan ejen disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pengingkaran syarat spesifik pelantikan ejen oleh Bank;
- Sekiranya pelantikan ejen dibubarkan berikutan (ii) atau (iii) di atas, liabiliti mana-mana pihak kepada pihak yang satu lagi bagi pembubaran pelantikan ejen adalah terhad kepada RM1.00.*

5. REPRESENTATIONS & WARRANTIES / REPRESENTASI & JAMINAN

The Applicant promises to the Bank that he is not an undischarged bankrupt, and there are no bankruptcy proceedings or other legal action pending against the Applicant which may affect the Applicant's ability to pay the Bank monies due under these Terms.

Pemohon berjanji kepada Bank bahawa beliau bukanlah seorang bankrap yang belum dilepaskan dan tiada apa-apa prosiding kebangkrapan atau tindakan undang-undang lain yang belum diputuskan terhadap Pemohon yang akan mempengaruhi keupayaan Pemohon membayar Bank wang yang kena dibayar di bawah Terma-Terma ini.

The Applicant also promises that no Event of Default (as listed in Clause 8 below) has happened or is continuing. This promise is intended to continue for as long as the Bank's Sale Price (or any part thereof) or any monies due to the Bank by the Applicant remains payable.

Pemohon juga berjanji bahawa tiada Peristiwa Keingkaran (seperti yang disenaraikan di Klaus 8 di bawah) telah berlaku atau masih berterusan. Janjian ini bertujuan untuk diteruskan selagi Harga Jualan Bank (atau mana-mana bahagiannya) atau wang yang kena dibayar kepada Bank oleh Pemohon masih perlu dibayar.

The truth and accuracy of the Applicant's promises form the basis of the Bank's agreement commitment to grant the Applicant the Facility. If any of the promises are discovered to be untrue in any material aspect, the Bank may reschedule the Instalments of the Bank's Sale Price or immediately claim for the payment of the Bank's Sale Price and all moneys owing to the Bank under the Facility.

Keberanian dan ketepatan semua janji-janji Pemohon membentuk asas perjanjian Bank memberikan komitmen untuk menyediakan Pemohon Kemudahan. Jika sebarang janji-janji didapati tidak benar dari mana-mana aspek material, Bank boleh menjadualkan semula Ansuran Harga Jualan Bank atau dengan serta merta menuntut pembayaran Harga Jualan Bank dan semua wang yang terhutang kepada Bank di bawah Kemudahan.

6. PAYMENT OF THE BANK'S SALE PRICE / BAYARAN HARGA JUALAN BANK

The Bank's Sale Price shall be paid by the Applicant to the Bank by way of monthly instalments. The amount of monthly instalments, payment dates of the first Instalment and the subsequent Instalments payable by the Applicant are as specified in these Terms and/or disbursement notice which will be issued by the Bank to the Applicant (“Disbursement Notice”).

Harga Jualan Bank hendaklah dibayar oleh Pemohon kepada Bank secara ansuran bulanan. Jumlah ansuran bulanan, tarikh bayaran Ansuran pertama dan Ansuran berikutnya yang perlu dibayar oleh Pemohon adalah seperti yang ditetapkan di dalam Terma-terma ini dan/atau notis pengeluaran penuh yang akan dikeluarkan oleh Bank kepada Pemohon (“Notis Pengeluaran”).

However, the monthly Instalment shall be paid on the fourth (4th) day of the next calendar month from the date of full disbursement of the Facility or any other date which shall be fixed by the Bank from time to time. The following monthly Instalments shall be paid on the fourth (4th) day of each calendar month thereafter. In the event the salary deduction for the payment of the Instalments cannot be effected for any reasons, the Applicant hereby irrevocably authorizes the Bank or CIMB Bank, as the case may be, to debit or cause to be debited from time to time Applicant's Account without further prior notice to the Applicant, for the monthly instalment and for any other charges related to the Facility. If the Applicant's Account is an account with CIMB Bank, the Bank shall notify CIMB Bank of the Applicant's instruction to debit the said account. The said direct debit shall be subject to the following terms and conditions:-

Walau bagaimanapun, Ansuran bulanan hendaklah dibayar pada hari keempat (4th) dalam bulan kalendar berikutnya dari tarikh pengeluaran penuh Kemudahan atau pada sebarang tarikh lain yang akan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Ansuran bulanan berikutnya hendaklah dibayar pada hari keempat (4th) dalam setiap bulan kalendar selepas itu. Sekiranya potongan gaji bagi bayaran Ansuran tidak dapat dilakukan atas apa-apa sebab, Pemohon dengan ini secara tidak boleh batal memberi kuasa kepada Bank atau CIMB Bank, mengikut mana yang berkenaan, untuk mendebitkan atau menyebabkan didebitkan dari semasa ke semasa Akaun Pemohon tanpa notis terdahulu yang selanjutnya kepada Pemohon, untuk ansuran bulanan dan untuk sebarang caj lain berkaitan dengan Kemudahan. Jika Akaun Pemohon adalah akaun dengan CIMB Bank, Bank hendaklah memaklumkan kepada CIMB Bank tentang arahan Pemohon untuk mendebitkan akaun tersebut. Debit terus tersebut adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) In the event the salary deduction for the payment of the Instalments cannot be effected for any reasons, the Applicant undertakes to ensure that sufficient funds are kept in the Applicant's Account to meet the instalment payment.

Where the Applicant's Account is a current account, it shall be the Applicant's responsibility to ensure that there is a sufficient fund at all times in the Applicant's Account to honour cheques deposited for payment.

The Applicant further acknowledges that the Bank and/ or CIMB Bank will not be liable for defamation and/or for breach of contract and/or for any losses, damages, expenses, costs or charges whatsoever which may be claimed against the Bank and/ or CIMB Bank arising from remarks place on the return cheque(s) by the Bank and/or CIMB Bank, as the case may be, and/or upon the grounds that cheque(s) issued under the Applicant's Accounts was returned due to insufficient funds as a result of the Bank debiting or causing to be debited the Applicant's Account pursuant to this authorization. The Bank and/or CIMB Bank may levy a charge on all standing instructions on due dates, which may not be refunded even if the instruction is not effected due to insufficient funds.

Sekiranya potongan gaji bagi bayaran Ansuran tidak dapat dilakukan atas apa-apa sebab, Pemohon berakujanji untuk memastikan bahawa dana yang cukup disimpan dalam Akaun Pemohon untuk menjelaskan bayaran ansuran.

Di mana Akaun Pemohon adalah akaun semasa, Pemohon harus bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Akaun Pemohon mempunyai dana yang mencukupi pada sepanjang masa untuk melunaskan cek-cek yang dideposit untuk bayaran. Pemohon seterusnya mengakui bahawa Bank dan/atau CIMB Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah dan/atau untuk kemungkiran kontrak dan/atau untuk sebarang kerugian, ganti rugi, perbelanjaan, kos atau caj apa jua yang mungkin dituntut terhadap Bank dan/ atau CIMB Bank berbangkit daripada kata-kata yang diletakkan di atas cek-cek yang dikembalikan oleh Bank dan/atau CIMB Bank, mengikut mana yang berkenaan, dan/atau atas alasan bahawa cek-cek yang dikeluarkan di bawah Akaun Pemohon telah dikembalikan disebabkan dana yang tidak mencukupi kerana Bank mendebitkan atau menyebabkan didebitkan Akaun Pemohon mengikut kebenaran ini. Bank dan/atau CIMB Bank boleh mengenakan caj ke atas semua arahan tetap pada tarikh kena dibayar, yang mungkin tidak akan dikembalikan meskipun jika arahan tidak dilaksanakan kerana dana tidak mencukupi.

(ii) In the event the Bank and/or CIMB Bank is unable to effect such monthly payment or to follow such instruction due to any reasons whatsoever which are not attributable to the Bank and/or CIMB Bank or which are beyond the Bank's and/or CIMB Bank's control or by virtue of any of the Bank's and/or CIMB Bank's operational and/or system error or malfunctioning, the Applicant shall, upon being notified by the the Bank or CIMB Bank of the inability to effect the monthly payment as aforesaid, make such monthly payment to the Bank and continue to make such monthly payment on the relevant due date(s) until such time as the Bank and/or CIMB Bank is/are able to effect the monthly payment as envisaged under this Clause 6.

Sekiranya Bank dan/atau CIMB Bank tidak dapat melaksanakan bayaran bulanan tersebut atau mematuhi arahan tersebut atas sebarang sebab pun jua yang tidak berpunca daripada Bank dan/atau CIMB Bank atau yang di luar kawalan Bank dan/atau CIMB Bank atau disebabkan oleh sebarang kesilapan atau malfungsi operasi dan/atau sistem Bank dan/atau CIMB Bank, Pemohon hendaklah, setelah dimaklumkan oleh Bank atau CIMB Bank berkenaan dengan kegagalan melaksanakan bayaran bulanan kepada Bank dan terus membuat bayaran bulanan pada tarikh-tarikh kena bayar sehinggalah Bank dan/atau CIMB Bank boleh melaksanakan bayaran bulanan seperti dinyatakan di Klausula 6 ini.

(iii) This authorization is subject to any arrangement now subsisting or which may hereafter subsist between the Applicant and the Bank and/or CIMB Bank in relation to the Applicant or any banking accommodation afforded to the Applicant.

Arahan ini tertakluk kepada sebarang perkiraan yang kini berkuat kuasa atau yang mungkin wujud selepas ini antara Pemohon dan Bank dan/atau CIMB Bank berkaitan dengan Pemohon atau sebarang kemudahan perbankan yang diberikan kepada Pemohon.

(iv) The Bank and/or CIMB Bank may, at its absolute discretion, and subject to any regulations and guidelines issued by the Bank Negara Malaysia from time to time, conclusively determine its order of priority for payment of moneys in accordance with this order or any order or cheque which has been or may be hereafter given by the Applicant to the Bank and/or CIMB Bank or drawn to the Applicant's Account.

Bank dan/atau CIMB Bank boleh, menurut budi bicara mutlakanya, dan tertakluk kepada apa-apa peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa, memutuskan secara konklusif tentang turutan keutamaan untuknya membayar wang selaras dengan arahan ini atau apa-apa arahan atau cek yang telah atau mungkin selepas ini diberikan oleh Pemohon kepada Bank dan/atau CIMB Bank atau yang dibayar terhadap Akaun Pemohon.

(v) In the event that full payment cannot be made due to insufficient funds in the Applicant's Account, the Bank shall at its sole discretion debit or cause to be debited the Applicant's Account for such amounts available and thereafter continue at its sole discretion to attempt to debit the Applicant's Account for such amount owing to the Bank under the Facility.

Sekiranya bayaran penuh tidak dapat dibuat kerana dana tidak mencukupi dalam Akaun Pemohon, Bank hendaklah atas budi bicara tunggalnya mendebitkan atau menyebabkan didebitkan Akaun Pemohon untuk jumlah yang ada dan selepas itu meneruskan dalam budi bicara tunggalnya untuk mencuba mendebitkan Akaun Pemohon untuk jumlah yang terhutang kepada Bank di bawah Kemudahan.

(vi) In consideration of the Bank and/or CIMB Bank arranging for this authorization, the Applicant undertakes to indemnify the Bank and/or CIMB Bank against all or any claims, demands, losses, damages, costs, charges and/or expenses which the Bank and/ or CIMB Bank may incur or sustain by carrying out the Applicant's instructions save as otherwise if they arise from and are caused directly by the Bank's and/or CIMB Bank's gross negligence or wilful default.

8.

Sebagai balasan bagi Bank dan/atau CIMB Bank mengatur kebenaran ini, Pemohon berakujanji untuk menanggung rugi Bank dan/atau CIMB Bank terhadap semua atau sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi, kos, caj dan/atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank dan/atau CIMB Bank akibat melaksanakan arahan Pemohon kecuali jika ia timbul dari dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank dan/atau CIMB Bank.

(vii) The Bank and/or CIMB Bank may, at its absolute discretion, terminate this authorization as to future payments at any time by giving twenty-one (21) calendar days prior notice in writing to the Applicant.

Bank dan/atau CIMB Bank boleh, berdasarkan budi bicara mutlakanya, menamatkan kebenaran ini berhubung dengan bayaran masa depan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemohon.

(viii) This authorization will remain effective for the protection of the Bank and/or CIMB Bank in respect of payments made in good faith notwithstanding the Applicant's death or bankruptcy until notice of the Applicant's death or bankruptcy.

Kebeneran ini akan terus berkuatkuasa untuk perlindungan Bank dan/atau CIMB Bank berkenaan dengan bayaran yang dibuat dalam niat baik walaupun terdapat kematian atau kebangkrutan Pemohon sehingga notis kematian atau kebangkrutan Pemohon.

(ix) Any payments are accepted without prejudice to any recovery action, pending or contemplated, for the full outstanding amount(s).

Apa-apa bayaran adalah diterima tanpa prejudis kepada sebarang tindakan untuk mendapatkan semula jumlah tertunggak penuh sama ada belum selesai atau yang dipertimbangkan.

The method, date of payment of the first Instalment and subsequent Instalments to be paid by the Applicant is as set out in the Terms herein and/or written notice to be issued by the Bank. However, Instalment payment by the Applicant will only be deemed to be paid by the Applicant when the Bank receives it from KNSB and not when the salary deduction is made by ANGKASA. The applicant hereby authorizes KNSB to arrange and manage the payment of Instalments to be done through salary deduction by ANGKASA. Without prejudice to the above provisions, the Applicant must make the Instalment payment directly to the Bank:-

(a) until the salary deduction by ANGKASA takes effect;

(b) if the salary deduction is not sent to or not received by KNSB and/or the Bank for any reason whatsoever; and/or

(c) if the Applicant ceases to be an employee of government of Malaysia Kaedah, tarikh pembayaran Ansuran pertama dan Ansuran berikutnya yang perlu dibayar oleh Pemohon adalah seperti yang ditetapkan di dalam Terma-terma ini dan/atau notis bertulis yang akan dikeluarkan oleh Bank. Walau bagaimanapun, pembayaran Ansuran oleh Pemohon hanya akan dianggap dibayar oleh Pemohon apabila Bank menerimanya daripada KNSB dan bukannya semasa potongan gaji dilakukan oleh pihak ANGKASA. Pemohon dengan ini membenarkan pihak KNSB untuk mengatur dan menguruskan pembayaran Ansuran untuk dilakukan melalui potongan gaji oleh ANGKASA.

Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, Pemohon mestilah membuat pembayaran Ansuran secara terus kepada Bank:-

(a) sehingga potongan gaji oleh ANGKASA berkuatkuasa;

(b) sekiranya potongan gaji tersebut tidak dihantar kepada atau tidak diterima oleh KNSB dan/atau Bank atas apa-apa alasan sekalipun; dan/atau

(c) sekiranya Pemohon bukan lagi kakitangan kerajaan Malaysia.

7. DISBURSEMENT NOTICE / NOTIS PENGELUARAN PENUH

Upon the disbursement of the Facility, the Bank will issue the Disbursement Notice to the Applicant stating the details of the Commodity sale and purchase transactions and the details of the Facility granted to the Applicant. The Disbursement Notice may be a computer generated notice and need not be signed but when issued, shall be deemed to have been properly issued by the Bank and shall be read together with and shall form part of the agreement governing the Facility. Selepas pengeluaran penuh Kemudahan, Bank akan mengeluarkan Notis Pengeluaran Penuh kepada Pemohon menyatakan butiran transaksi penjualan dan pembelian Komoditi dan butiran Kemudahan yang diberikan kepada Pemohon. Notis Pengeluaran Penuh boleh merupakan notis yang dijana oleh computer dan tidak perlu ditandatangani tetapi apabila dikeluarkan, hendaklah dianggap telah dikeluarkan dengan betul oleh Bank dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan dan hendaklah membentuk sebahagian daripada perjanjian yang mengawal Kemudahan.

8. COMPENSATION (TA'WIDH) / PAMPASAN (TA'WIDH)

- The Applicant hereby agrees to pay the Bank compensation (Ta'widh) on overdue Instalments and payments of any indebtedness or Bank's Sale Price at the following rates:-
- Pemohon dengan ini bersetuju untuk membayar kepada Bank pampasan (Ta'widh) terhadap Ansuran lampau tempoh dan pembayaran sebarang keterhutangan atau Harga Jualan Bank pada kadar berikut:-*
- (a) if there is any overdue and/or late payment of the monthly payment/Instalment during the tenure of the Facility which does not result in a termination of the Facility, the compensation (Ta'widh) rate based on actual cost up to (i) 1% per annum or (ii) any other rate approved by BNM will be charged on such late payment from the due date for payment of such monthly payment/Instalment(s) until the date when payment is received by the Bank in full;
jika terdapat apa-apa pembayaran tertunggak dan/atau lewat bagi bayaran bulanan/Ansuran semasa tempoh Kemudahan yang tidak menyebabkan penamatan Kemudahan, kadar pampasan (Ta'widh) berdasarkan kos sebenar sehingga (i) 1% setahun atau (ii) sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM akan dikenakan ke atas pembayaran lewat tersebut dari tarikh matang bagi pembayaran bayaran bulanan/Ansuran tersebut sehingga tarikh apabila bayaran diterima sepenuhnya oleh Bank;
 - (b) if the overdue and/or late payment of the monthly payment/Instalment during the tenure of the Facility results in the Facility being terminated prior to maturity, the compensation (Ta'widh) rate based on actual cost up to 1% p.a. will be charged on the outstanding Bank's Sale Price less the rebate (Ibra') ("**Outstanding Balance**"), from the date the Facility is terminated until the date the Outstanding Balance is received by the Bank in full or the day before judgment for the Outstanding Balance is obtained against the Customer(s), whichever is earlier; and
*jika pembayaran tertunggak dan/atau lewat bagi bulanan/Ansuran semasa tempoh Kemudahan menyebabkan Kemudahan ditamatkan sebelum matang, kadar pampasan (Ta'widh) berdasarkan kos sebenar sehingga 1% setahun akan dikenakan ke atas Harga Jualan Bank yang tertunggak ditolak rebat (Ibra') ("**Baki Tertunggak**"), dari tarikh Kemudahan ditamatkan sehingga tarikh Baki Tertunggak diterima oleh Bank sepenuhnya atau hari sebelum penghakiman untuk Baki Tertunggak diperolehi terhadap Pelanggan, mengikut mana yang lebih awal; dan*
 - (c) if the overdue and/or late payment of the monthly payment/ Instalment extends beyond the expiry of the tenure of the Facility, the compensation (Ta'widh) rate based on actual cost up to the the rate which does not exceed the BNM's prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market ("**IIMM**") Rate on the Outstanding Balance from the date the tenure of the Facility expires until the date the Outstanding Balance is received by the Bank in full, subject always to any rebate (Ibra'), wherever applicable.
Jika bayaran tertunggak dan/atau lewat bayaran bulanan/Ansuran melebihi tempoh tamat tempoh Kemudahan, kadar pampasan (Ta'widh) berdasarkan kos sebenar sehingga kadar yang tidak melebihi Kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) harian semalaman semasa BNM ke atas Baki Tertunggak dari tarikh tamat tempoh Kemudahan sehingga tarikh Baki Tertunggak diterima oleh Bank sepenuhnya, tertakluk kepada sebarang rebat (Ibra'), di mana berkenaan.
 - (d) The accumulated compensation (Ta'widh) will not exceed 100% of the outstanding Bank's Purchase Price. The Bank will give the Customer(s) prior written notice of any change in the compensation (Ta'widh) rate for late payment.
Pampasan (Ta'widh) yang terkumpul tidak akan melebihi 100% Harga Belian Bank yang tertunggak. Bank akan memberi Pelanggan notis bertulis terdahulu tentang sebarang perubahan pada kadar pampasan (Ta'widh) untuk pembayaran lewat.
9. **EARLY SETTLEMENT OF THE BANK'S SALE PRICE / PENYELESAIAN AWAL HARGA JUALAN BANK**
- The Applicant may only make an early settlement of the Bank's Sale Price or part thereof three (3) months after the date the Facility is fully made available to the Applicant by the Bank.
- Pemohon hanya boleh membuat penyelesaian awal Harga Jualan Bank atau sebahagian daripadanya tiga (3) bulan selepas tarikh Kemudahan disediakan sepenuhnya kepada Pemohon oleh Bank.*
- To early settle part (and not the full amount) of the Bank's Sale Price, the payable amount:-
- Untuk penyelesaian awal sebahagian (and bukan sepenuhnya) Harga Jualan Bank, jumlah yang perlu dibayar:-*
- (i) must be in the multiples of not less than six (6) times the Instalment amount;
mestilah berada dalam gandaan tidak kurang daripada enam (6) kali jumlah Ansuran;

- (ii) shall be applied in the inverse order of maturity; and
akan diguna pakai menurut aturan kematangan secara songsang; dan
 - (iii) once paid, will not affect the Applicant's obligation to pay promptly the subsequent instalments and is without prejudice to the Applicant's obligation to pay all amounts due under the Facility. Any amount paid cannot subsequently be re-drawn.
setelah dibayar, tidak akan menjejaskan kewajipan Pemohon untuk membayar ansuran berikutnya tepat pada masanya dan tanpa prejudis terhadap kewajipan Pemohon untuk membayar semua jumlah yang kena dibayar di bawah Kemudahan. Sebarang jumlah yang dibayar tidak boleh kemudiannya dikeluarkan semula.
- If the Applicant fully settles the Bank's Sale Price before the end of the tenure of the Facility by paying the settlement amount ("**Settlement Amount**"), the Bank shall grant the Applicant rebate (Ibra') on the said Bank's Sale Price upon receipt of the Settlement Amount in accordance with this formula:-
- Jika Pemohon menyelesaikan keseluruhan Harga Jualan Bank sebelum tamat tempoh Kemudahan dengan membayar jumlah penyelesaian ("**Jumlah Penyelesaian**"), Bank akan memberikan rebat (Ibra') kepada Pemohon atas Harga Jualan Bank tersebut apabila menerima Jumlah Penyelesaian menurut formula ini:-*

Calculation of Rebate (Ibra') <i>Pengiraan Rebate (Ibra')</i>	The Settlement Amount Payable After the Calculation of Rebate (Ibra') <i>Jumlah Penyelesaian Yang Perlu Dibayar Selepas Pengiraan Rebate (Ibra')</i>
$\text{Rebate (Ibra')} = \left[\frac{n(n+1)}{N(N+1)} \right] \times \text{PM}$ $n = \text{Balance Month until the Maturity Period}$ $N = \text{Total Financing Tenure in Month}$ $\text{PM} = \text{Total Profit Margin}$	Settlement Amount Payable: Balance of Sale Price + Compensation (Ta'widh) + Other Costs (if applicable) - Rebate (Ibra')
$\text{Rebate (Ibra')} = \left[\frac{n(n+1)}{N(N+1)} \right] \times \text{PM}$ $n = \text{Baki Bulan sehingga Tempoh Matang}$ $N = \text{Jumlah Tempoh Pembiayaan dalam Bulan}$ $\text{PM} = \text{Jumlah Margin Keuntungan}$	<i>Jumlah Penyelesaian Yang Perlu Dibayar: Baki Harga Jualan + Pampasan (Ta'widh) + Kos lain (jika berkenaan) - Rebat (Ibra')</i>

- The Applicant must continue to make payment of the Instalments until the Bank actually receives the full payment of the Amount Payable stated above.
- Pemohon hendaklah terus melakukan pembayaran Ansuran sehingga Bank menerima bayaran penuh Jumlah Yang Perlu Dibayar yang dinyatakan di atas.*
10. **EVENTS OF DEFAULT / PERISTIWA KEINGKARAN**
- The availability (and continuing availability) of the Facility is subject to it not becoming unlawful or impracticable for the Bank to continue to make available the Facility and non of the following events of default have occurred:-
- Ketersediaan (dan ketersediaan yang berterusan) Kemudahan adalah tertakluk kepada syarat bahawa ia tidak menjadi menyalahi undang-undang atau tidak praktikal bagi Bank untuk terus menyediakan Kemudahan dan Peristiwa Keingkaran berikut tidak berlaku:-*
- (a) the Applicant fails to pay the Bank's Sale Price and/or any money payable under these Terms or this Facility when due, whether formally demanded or not;
Pemohon gagal membayar Harga Jualan Bank dan/atau sebarang wang yang perlu dibayar di bawah Terma-Terma ini atau Kemudahan ini apabila kena dibayar, sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;
 - (b) the Applicant commits or threaten to commit a default or breach of any undertaking/wa'ad, or promise or obligations contained in these Terms and any other document relating to this Facility;

Pemohon melakukan atau mengancam untuk melakukan keingkaran atau kemungkiran sebarang akujanji/wa'ad, atau janji atau kewajipan yang terkandung dalam Terma-Terma ini dan sebarang dokumen lain yang berkaitan dengan Kemudahan ini;

- (c) any promise by the Applicant made in these Terms or any other document relating to this Facility is proven to be untrue or incorrect; sebarang janji yang dibuat oleh Pemohon dalam Terma-Terma ini atau sebarang dokumen lain yang berkaitan dengan Kemudahan ini terbukti tidak benar atau tidak tepat;
- (d) any indebtedness of the Applicant is not paid when it becomes due or if the Applicant defaults on any payment obligation to the Bank anywhere on any banking, financing, loan, any other credit facilities or any other account(s) current or otherwise ("the account(s)") or in any other manner whatsoever including but not limited to liability of the Applicant incurred to the Bank as surety(ies) or guarantor(s) or if default is made in relation to any provisions governing the account(s); sebarang keterhutangan Pemohon tidak dibayar apabila ia menjadi kena dibayar atau jika Pemohon mungkir atas sebarang kewajipan pembayaran kepada Bank di mana jua ke atas sebarang perbankan, pembiayaan, pinjaman, sebarang kemudahan kredit lain atau sebarang akaun semasa atau sebaliknya lain ("akaun") atau dalam sebarang cara lain apa pun jua termasuk tetapi tidak terhad kepada liabiliti Pemohon yang ditanggung kepada Bank sebagai jaminan atau penjamin atau jika keingkaran dilakukan berhubung dengan apa-apa peruntukan yang mengawal akaun
- (e) the Applicant has provided false information or data to the Bank; Pemohon telah membekalkan maklumat atau data palsu kepada Bank;
- (f) in the opinion of the Bank, the Applicant's account with the Bank is or has not been operated satisfactorily; dalam pendapat Bank, akaun Pemohon dengan Bank tidak atau telah tidak dikendalikan dengan cara yang memuaskan;
- (g) if anything has happened which in the Bank's opinion will negatively affect the ability of the Applicant to pay the monies owing to the Bank under this Facility; jika apa-apa berlaku yang menurut pendapat Bank akan memberi kesan negatif terhadap keupayaan Pemohon untuk membayar wang yang terhutang kepada Bank di bawah Kemudahan ini;
- (h) the Applicant becomes insane or dies; Pemohon menjadi tidak siaman atau mati;
- (i) a distress or execution is levied or enforced upon any of the Applicant's properties or a trustee, or similar official is appointed over all or a substantial part of his assets; distres atau pelaksanaan dikenakan atau dikuatkuasakan terhadap sebarang harta Pemohon atau pemegang amanah, atau pegawai yang serupa dilantik terhadap keseluruhan atau sebahagian besar daripada asetnya;
- (j) the Applicant ceases or threatens to cease carrying on his business or transfers or disposes or intends to transfer or dispose of a substantial part of his assets; Pemohon berhenti atau mengancam untuk berhenti menjalankan perniagaannya atau memindahkan atau melupuskan atau bercadang untuk memindahkan atau melupuskan sebahagian besar daripada asetnya;
- (k) the Applicant claims that all or a material part of these Terms cease to be of full force or effect; Pemohon mendakwa bahawa seluruh atau sebahagian daripada Terma-Terma ini yang material terhenti daripada berkuatkuasa atau berkesan sepenuhnya;
- (l) any of the Applicant's current accounts is closed by any bank following the requirements of the applicable regulations from time to time governing dishonoured cheques and/or the policies of the said bank maintaining such current accounts, notwithstanding that his current account(s) with the Bank, whether held solely or jointly with others, has been conducted satisfactorily; sebarang akaun semasa Pemohon telah ditutup oleh mana-mana bank berikutan kehendak peraturan-peraturan yang terpakai dari semasa ke semasa yang mengawal cek-cek tidak dilayan dan/atau dasar bank tersebut yang menyelenggara akaun semasa tersebut, meskipun, akaun semasanya dengan Bank, sama ada dipegang secara tunggal atau bersama dengan orang lain, telah dikendalikan dengan cara yang memuaskan;
- (m) any bankruptcy or similar proceedings have commenced or are being taken against the Applicant; and/or apa-apa kebangkrutan atau prosiding yang serupa telah mula atau diambil terhadap Pemohon; dan/atau
- (n) changes in any laws or regulations which make it an offence for the Bank to continue to make available this Facility to the Applicant. perubahan dalam mana-mana undang-undang atau peraturan yang menyebabkan ianya menjadi satu kesalahan kepada Bank untuk terus menyediakan Kemudahan ini kepada Pemohon.

If any of the above events of default happen, the Bank may by giving seven (7) calendar days' notice to the Applicant terminate the Facility after which the Applicant must seven (7) calendar days after the date of the said Bank's notice, pay to the Bank the Bank's Sale Price and all other moneys due to the Bank under the Facility subject to rebate (Ibra') which its formula is set out below.

Jika mana-mana Peristiwa Keingkaran di atas berlaku, Bank boleh dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada Pemohon menamatkan Kemudahan selepas itu Pemohon mesti tujuh (7) hari kalendar selepas tarikh notis Bank tersebut membayar Bank Harga Jual Bank dan semua wang lain yang kena dibayar kepada Bank di bawah Kemudahan tertakluk kepada rebat (Ibra') yang formulanya ditetapkan di bawah.

Calculation of Rebate (Ibra') Pengiraan Rebate (Ibra')	The Amount Payable After the Calculation of Rebate (Ibra') Jumlah Yang Perlu Dibayar Selepas Pengiraan Rebate (Ibra')
$\text{Rebate (Ibra')} = \frac{[n(n+1) / N (N+1)] \times \text{PM}}{\text{PM}}$ $n = \text{Balance Month until the Maturity Period}$ $N = \text{Total Financing Tenure in Month}$ $\text{PM} = \text{Total Profit Margin}$	Amount Payable: Balance of Sale Price + Compensation (Ta'widh) + Other Costs (if applicable) - Rebate (Ibra)
$\text{Rebate (Ibra')} = \frac{[n(n+1) / N (N+1)] \times \text{PM}}{\text{PM}}$ $n = \text{Baki Bulan sehingga Tempoh Matang}$ $N = \text{Jumlah Tempoh Pembiayaan dalam Bulan}$ $\text{PM} = \text{Jumlah Margin Keuntungan}$	Jumlah Yang Perlu Dibayar: Baki Harga Jual + Pampasan (Ta'widh) + Kos lain (jika berkenaan) - Rebat (Ibra')

11. CONSOLIDATION AND COMBINATION OF ACCOUNTS/ PENCANTUMAN DAN PENGGABUNGAN AKAUN

The Bank may by giving the Applicant seven (7) calendar days' prior notice, combine or consolidate all or any of the Applicant's accounts with the Bank wheresoever located and whether in Ringgit Malaysia or in any other currency and/or set-off or transfer any sum standing to the credit of any such accounts including accounts held jointly with others in or towards the satisfaction of any of the indebtedness of the Applicant. Before the Bank effects the set off, the Bank may withhold and or suspend the payment of monies from any such accounts.

Bank boleh dengan memberi kepada Pemohon notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Pemohon dengan Bank tidak kira di mana letaknya dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam sebarang mata wang lain dan/atau menolak atau memindahkan jumlah kredit dalam mana-mana akaun tersebut termasuk akaun yang dipegang secara bersama dengan orang lain untuk atau bagi menjelaskan sebarang keburutangan Pemohon. Sebelum Bank melakukan tolakan, Bank boleh menahan dan/atau menggantung pembayaran apa-apa wang daripada mana-mana akaun tersebut.

12. DISCLOSURE OF INFORMATION / PENDEDAHAN MAKLUMAT

The Applicant hereby agrees, consents to and authorises the Bank to disclose any information relating to the Applicant, the Applicant's affairs and/or any accounts maintained by the Applicant with the Bank to:

Pemohon akaun bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkenaan Pemohon, hal ehwal Pemohon dan/atau mana-mana akaun yang dikekalkan oleh Pemohon dengan Bank kepada:

- its agents, service providers, auditors, legal counsel and/or professional advisors in or outside Malaysia; ejennya, pembekal perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/ atau penasihat profesionalnya di dalam atau di luar Malaysia;

- b. the entities within the corporate group of CIMB Group Holdings Berhad, the Bank's ultimate holding company ("**Group Companies**") whether such Group Companies are residing, situated, carrying on business, incorporated or constituted within or outside Malaysia, *entiti-entiti di dalam Kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegang muktamad Bank ("**Kumpulan Syarikat**") sama ada Kumpulan Syarikat adalah bermastautin, berada, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia,*

for facilitating the business, operations, provision of the Facility and performance of the contract, services of or granted or provided by the Bank and/or the Group Companies to their customers, as well as to:

untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan Kemudahan dan peruntukan kontrak, perkhidmatan atau yang diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Kumpulan Syarikat kepada para pelanggannya, dan serta kepada:

- a. any tribunal, courts, governmental agencies or bodies or other relevant authorities to whom the Bank is required to make disclosures or have jurisdiction over the Bank whether in or outside Malaysia in order to comply with any order, demand, request or reporting requirement or for the purposes of litigation or potential litigation involving the Bank as and when required or requested to do so from time to time and at any time;

mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, permintaan, permintaan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi berpotensi yang melibatkan Bank apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;

- b. any company and/or organisation that assist or facilitate the processing and/or fulfillment of transactions or instructions that the Applicant has requested and/or given to the Bank;

mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemrosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang diminta dan/atau diberikan oleh Pemohon kepada Bank;

- c. any potential transferee or assignee with whom the Bank is negotiating the transfer, assignment and novation of the rights or obligations under or by reference to this Facility; and sebarang penerima pindahan atau pemegang serah hak yang berpotensi dengan mana Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan pembaharuan hak atau obligasi di bawah atau dengan merujuk kepada Kemudahan ini; dan

- d. such third parties and for the purpose(s) as identified in the CIMB Group Privacy Notice under the heading of 'Disclosure of Your Personal Information' and 'How We Use Your Personal Information' respectively.

pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan(-tujuan) seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

The Applicant agrees that the consent given above cannot be withdrawn where such disclosure of the Applicant's information is necessary for the provision of the Facility and/or related services or the performance of the contract with the Applicant to comply with contractual requirements or to comply with any legal requirements.

Pemohon bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat Pemohon adalah perlu untuk penyediaan Kemudahan dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan Pemohon untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang.

- 12.2 Disclosure by the Bank to Group Companies (within Malaysia) may also be for cross selling purposes of the Bank and/or the Group Companies provided always that **disclosure for cross selling purposes shall not be effected if such disclosure is objected by the Applicant**. The Bank may also disclose the Applicant's information such as name and contact details (excluding the Applicant's affairs or account) to third party business partners and strategic alliance partners for cross selling, marketing and promotional purposes if the consent from the Applicant has been obtained. Pendedahan oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) mungkin juga untuk jualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Kumpulan Syarikat dengan syarat bahawa **pendedahan untuk jualan silang tidak akan dilaksanakan jika pendedahan tersebut dibantah oleh Pemohon**. Bank juga boleh mendedahkan maklumat Pemohon seperti nama dan butiran hubungan (tidak termasuk hal ehwal atau akaun Pemohon) kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi jika persetujuan daripada Pemohon telah diperolehi.

However, the Applicant may at any time revoke or withdraw the above mentioned consent to disclosure of information by the Bank to Group Companies (within Malaysia) and to third party business partners and strategic alliance partners for cross selling, marketing and promotional purposes by contacting the Bank at the following address, telephone number or e-mail address (which may be changed by the Bank from time to time by notice to the Applicant): Customer Resolution Unit (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mail: contactus@cimb.com.

Walau bagaimanapun, Pemohon boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan yang disebutkan di atas untuk pendedahan maklumat oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemohon): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com.

- 12.3 The Applicant hereby agrees and expressly authorises and invites the Bank's employees, independent contractor, representatives and/or agents to contact the Applicant from time to time through personal visits or oral communication effected via any means of communication including but not limited to telephone calls regarding any promotion.

Pemohon dengan ini bersetuju dan dengan nyata memberi kuasa dan mempelawa pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank untuk menghubungi Pemohon dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilaksanakan melalui sebarang bentuk komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang sebarang promosi.

- 12.4 In addition to the Bank's rights under Clause 12.2, the Bank is authorised to contact and/or notify the Applicant by post and/or e-mail and/or telephone and/or short messaging service (SMS) and/or courier service and/or any other reasonable mode of communication selected by the Bank based on existing mailing address(es), e-mail address(es), telephone number(s) and/or any other contact particulars of the Applicant deposited or recorded with the Bank. Information or notification so sent by the Bank shall comprise of such information or notification which the Bank deems appropriate or necessary and may include but not limited to any information in relation to the Facility and/or any information relating to any services, benefits, promotions, programmes of the Bank and/or of any other party held jointly or in conjunction with the Bank.

Di samping hak Bank di bawah Klausula 12.2, Bank diberi kuasa untuk menghubungi dan/atau memaklumkan Pemohon melalui pos dan/atau mel elektronik dan/atau telefon dan/atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dan/atau perkhidmatan kurier dan/atau sebarang cara komunikasi munasabah lain yang dipilih oleh Bank berdasarkan alamat mel, alamat e-mel, nombor telefon dan/atau sebarang butir-butir hubungan lain sedia ada Pemohon yang dideposit atau direkodkan dengan Bank. Maklumat atau pemberitahuan yang dihantar oleh Bank hendaklah mengandungi maklumat atau pemberitahuan sedemikian yang dianggap sesuai atau perlu oleh Bank dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang maklumat berhubung dengan Kemudahan dan/atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan sebarang perkhidmatan, manfaat, promosi, program Bank dan/atau mana-mana pihak lain yang diadakan bersama atau bersempena dengan Bank.

13. FEES AND COSTS / FI DAN KOS

The Applicant shall pay all fees and expenses, solicitors' fee (on a solicitor and client basis) and costs (including stamp duty, if any) incurred by the Bank in relation to the Bank's enforcement of its rights under the Facility. The Applicant also agrees to indemnify the Bank and hold the Bank harmless from and against any payments, losses, costs, charges or expenses whatsoever, legal or otherwise, which the Bank may sustain, suffer or incur due to the Bank granting the Facility to the Applicant or due to any default by the Applicant unless due directly to the Bank's gross negligence or wilful default.

Pemohon hendaklah membayar semua fi dan perbelanjaan, fi peguamcara (atas dasar peguamcara dan anakguam) dan kos (termasuk duti setem, jika ada) penguatkuasaan oleh Bank terhadap haknya di bawah Kemudahan yang ditanggung. Pemohon juga bersetuju untuk menanggung rugi Bank dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan daripada dan terhadap sebarang bayaran, kerugian, kos, caj atau perbelanjaan apa jua, guaman atau sebaliknya, yang Bank mungkin alami atau tanggung disebabkan Bank memberikan Kemudahan kepada Pemohon atau akibat sebarang

keingkaran oleh Pemohon melainkan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja Bank.

14. SERVICE OF DOCUMENTS OR COURT PROCESSES AND CHANGE IN ADDRESS / PENYAMPAIAN DOKUMEN ATAU PROSES MAHKAMAH DAN PERUBAHAN ALAMAT

- (i) Any court process or delivery of cheque, bank draft cashier's order or any other document or item may be sent to the Applicant by ordinary post or by hand or by courier service to the last known address of the Applicant in the Bank's record and such service and/or delivery shall be deemed effective three (3) calendar days after posting, if sent by post and at the time of delivery, if delivered by hand or courier. Service of court process may also be affected in any other manner permitted by the law.

Sebarang proses mahkamah atau penghantaran cek, draf bank, perintah juruwang atau sebarang dokumen atau barangan lain boleh dihantar kepada Pemohon melalui pos biasa atau serahan tangan atau melalui perkhidmatan kurier ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank dan penyampaian dan/atau penghantaran tersebut hendaklah dianggap berkesan tiga (3) hari kalendar selepas pengeposan, jika dihantar melalui pos dan pada masa penyerahan, jika diserahkan melalui serahan tangan atau kurier. Penyampaian proses mahkamah juga boleh dilaksanakan dalam sebarang cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

- (ii) The Applicant must promptly notify the Bank in writing of any changes in employment or business or address (office or residential) or if the Applicant intends to be absent from Malaysia for more than thirty (30) consecutive calendar days. It is important for the Applicant to promptly notify the Bank of any changes to the abovementioned details in order to ensure that the Bank has the latest updated information of the Applicant.

Pemohon hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera secara bertulis tentang sebarang perubahan pada pekerjaan atau perniagaan atau alamat (pejabat atau kediaman) atau jika Pemohon bercadang untuk tidak berada di Malaysia selama lebih daripada tiga puluh (30) hari kalendar berturut-turut. Ia adalah penting untuk Pemohon supaya memaklumkan kepada Bank dengan segera tentang sebarang perubahan pada butir-butir yang disebutkan di atas untuk memastikan Bank mempunyai maklumat Pemohon yang terkini dan dikemaskini.

15. PRIORITY OF PAYMENT / KEUTAMAAN PEMBAYARAN

Subject to Bank Negara Malaysia's prevailing guidelines, the Bank shall apply payments received to first settle any outstanding Instalments and any balance will be used to settle fees and other outstanding charges due to the Bank. The Bank may however change the order of settlement as it deems fit as long as it complies with the relevant regulations and guidelines.

Tertakluk kepada garis panduan semasa Bank Negara Malaysia, Bank akan menggunakan bayaran yang diterima untuk menyelesaikan sebarang Ansuran tertunggak terlebih dahulu dan mana-mana baki akan digunakan untuk menyelesaikan fi dan caj tertunggak lain yang kena dibayar kepada Bank.

Walau bagaimanapun, Bank boleh mengubah keutamaan pembayaran sebagaimana yang ia fikirkan sesuai selagi ia mematuhi peraturan dan garis panduan yang berkenaan.

If the amount received (whether through enforcement or otherwise) is less than the amount payable, the Bank may apply such amount in such order and in accordance with any method as the Bank deems fit.

Jika jumlah yang diterima (sama ada melalui penguatkuasaan atau sebaliknya) adalah kurang daripada jumlah yang perlu dibayar, Bank boleh menggunakan jumlah tersebut menurut turutan keutamaan sedemikian dan menurut sebarang kaedah yang Bank anggap sesuai.

16. CERTIFICATE / PERAKUAN

Any certificate, notice or demand signed on behalf of the Bank by any officer of the Bank or any solicitor or firm of solicitor acting on behalf of the Bank shall be conclusive evidence against the Applicant (in relation to all matters stated including the amount due and owing to the Bank) for all purposes (including legal proceedings) and shall not be challenged on any account whatsoever, unless there is obvious error.

Sebarang perakuan, notis atau tuntutan yang ditandatangani bagi pihak Bank oleh mana-mana pegawai Bank atau mana-mana peguamcara atau firma peguamcara yang bertindak bagi pihak Bank hendaklah menjadi bukti konklusif terhadap Pemohon (berhubung dengan semua perkara yang dinyatakan dalamnya termasuk jumlah yang kena dibayar dan terhutang kepada Bank) untuk semua tujuan (termasuk tujuan prosiding undang-undang) dan tidak akan dicabar atas apa jua sebab melainkan wujudnya kesilapan jelas.

17. RIGHT TO OUTSOURCE DEBT COLLECTION/ HAK UNTUK MENYUMBER LUAR PUNGUTAN HUTANG

The Bank may also, at its sole discretion as and when it deems necessary, appoint an agent of its choice to collect monies due to the Bank from the Applicant under these Terms. Such appointment must be made known to the Applicant at least seven (7) calendar days in advance if such collection is outsourced to a third-party debt collection agency. The Bank will inform the Applicant of the impact on the Applicant's rights and obligations after the account has been transferred to a third-party debt collection agency or sold to a third party.

If the Applicant is not contactable, the Bank is considered to have fulfilled the obligation if such notice has been sent to the last known address of the Applicant at least seven (7) calendar days in advance. The Bank shall provide the Applicant with the name and contact details of the appointed third party debt collection agency or the third party to whom the Bank has outsourced the collection of all and any sums due to the Bank from the Applicant. If any money is due and payable under the Facility, the Applicant agrees that the Bank may visit the Applicant at the Applicant's workplace if the Applicant does not respond to other means of communication by the Bank or cannot be contacted at any other location.

Bank juga boleh, menurut budi bicara tunggalnya dan apabila dianggapnya perlu, untuk melantik ejen pilihan untuk memungut wang yang kena dibayar kepada Bank daripada Pemohon di bawah Terma-Terma ini. Pelantikan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Pemohon sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terdahulu jika pungutan tersebut akan disumber-luarkan kepada agensi pungutan hutang pihak ketiga.

Bank akan memaklumkan kepada Pemohon tentang kesan ke atas hak dan obligasi Pemohon selepas akaun dipindahkan kepada agensi pungutan hutang pihak ketiga atau dijual kepada pihak ketiga. Jika Pemohon tidak dapat dihubungi, Bank akan dianggap telah memenuhi obligasi ini jika notis tersebut telah dihantar ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terdahulu. Bank akan memberikan kepada Pemohon nama dan butir-butir hubungan agensi pungutan hutang pihak ketiga yang dilantik atau pihak ketiga yang disumber-luar oleh Bank agar memungut semua dan mana-mana jumlah yang kena dibayar oleh Pemohon kepada Bank. Jika sebarang wang yang kena dibayar dan perlu dibayar di bawah Kemudahan, Pemohon bersetuju bahawa Bank boleh melawat Pemohon di tempat kerja Pemohon jika Pemohon tidak membalas cara komunikasi lain oleh Bank atau tidak boleh dihubungi di mana-mana lokasi lain.

18. ASSIGNMENT / PENYERAHHAKKAN

The Bank but not the Applicant may assign its rights and liabilities under the Facility by notice to the Applicant. These Terms and any documents pertaining to the Facility shall continue to be valid and binding for all purposes whatsoever notwithstanding any change by amalgamation, reconstruction, or otherwise, which may be made in the constitution of the Bank.

Bank tetapi bukan Pemohon boleh menyerahkan hak dan liabilitinya di bawah Kemudahan dengan memberikan notis kepada Pemohon. Terma-Terma ini dan sebarang dokumen berhubung dengan Kemudahan akan terus menjadi sah dan mengikat bagi semua tujuan apa jua meskipun sebarang perubahan melalui penggabungan, penyusunan semula, atau sebaliknya, yang boleh dilakukan dalam perlembagaan Bank.

19. SEVERABILITY / KEBOLEHASINGAN

If any of the provisions of these Terms shall become void, illegal or unenforceable under any law, the remaining provisions shall remain valid and enforceable and shall not in any way be invalidated or rendered unenforceable.

Jika mana-mana peruntukan dalam Terma-Terma ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuat kuasa di bawah sebarang undang-undang, peruntukan-peruntukan selainnya hendaklah kekal menjadi sah dan boleh dikuat kuasa dan tidak akan dalam apa cara pun jua menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan.

20. WAIVERS / PENEPIAN

Failure, omission or delay of the Bank in exercising any right, power, privilege or remedy accruing to the Bank under these Terms shall not impair any such right, power, privilege or remedy and shall not be construed as a waiver thereof or acquiescence in such default, and any action by the Bank in respect of any default or acquiescence in such default shall not affect any right, power, privilege or remedy of the Bank in respect of any other or subsequent default. The rights and the remedies provided herein are cumulative and include the powers or the remedies provided under the laws.

Kegagalan, pengabaian atau kelewatan oleh Bank dalam melaksanakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang terakru kepada Bank dalam Terma-Terma ini tidak akan menjejaskan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi dan tidak akan ditafsirkan sebagai penepian atau persetujuan terhadap keingkaran tersebut, dan sebarang tindakan oleh Bank berkaitan apa-apa keingkaran atau persetujuan terhadap keingkaran tersebut tidak akan menjejaskan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi Bank berkaitan mana-mana keingkaran yang lain atau yang seterusnya.

Hak dan remedi yang diperuntukkan di sini adalah kumulatif dan termasuk kuasa atau remedi yang diperuntukkan di bawah undang-undang.

21. GOVERNING LAW / UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

These Terms shall be governed by and construed in accordance with laws of Malaysia and subject to the prevailing laws or regulatory requirements of Malaysia. The parties agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia and agree further that the service of any legal process may be done in any manner allowed under these Terms. These Terms are intended to be fully Shariah compliant. The Applicant and the Bank agree that their respective rights and obligations under these Terms are intended to be in conformity with and subject to Shariah.

Terma-Terma ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada undang-undang atau keperluan kawal selia semasa di Malaysia. Pihak-pihak bersetuju untuk bersejarah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia dan selanjutnya bersetuju bahawa penyampaian sebarang proses undang-undang boleh dilaksanakan mengikut cara yang ditetapkan di dalam Terma-Terma ini. Terma-Terma ini bertujuan mematuhi Syariah dengan sepenuhnya. Pemohon dan Bank bersetuju bahawa hak dan obligasi mereka masing-masing di bawah Terma-Terma ini bertujuan akan mematuhi dan tertakluk kepada Syariah.

22. CHANGES IN FEES AND OTHER CHARGES / PERUBAHAN PADA FI DAN CAJ LAIN

The Bank may by giving the Applicant at least twenty-one (21) calendar days' prior notice, vary the rate or method of calculation of fees and other charges, minimum payment due, compensation (Ta'widh) and any other fees or levies chargeable) including the effective date of any such change provided that such change shall not take effect retrospectively. Notification of the changes can be given in the various ways set out in this Clause 19. The changes take effect on the date specified by the Bank in its notice:

Bank boleh dengan memberikan kepada Pemohon notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar, mengubah kadar atau kaedah pengiraan fi dan caj lain, pembayaran minimum yang kena dibayar, pampasan (ta'widh) dan sebarang fi atau levi lain yang terpakai termasuk tarikh berkuat kuasanya sebarang perubahan sedemikian dengan syarat perubahan tersebut tidak boleh berkuat kuasa secara retrospektif. Pemberitahuan perubahan boleh diberi dalam pelbagai cara yang dinyatakan dalam Klausa 19 ini. Perubahan berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank dalam notisnya:

- a. by posting a notice in the Bank's premises stating such changes and its effective date of change which shall be deemed received by or communicated to the Applicant on the date of posting of the notice in the Bank's premises; and/or
dengan menampal notis di premis Bank menyatakan perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan yang akan dianggap telah diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh notis ditampal di premis Bank; dan/atau
- b. by way of a single publication in one or more daily newspaper of the Bank's choice of such changes and its effective date of change, which shall be deemed received by or communicated to the Applicant on the date of first publication in any daily newspaper of the Bank's choice; and/or
dengan diterbitkan sekali sahaja di dalam satu atau lebih daripada satu akhbar pilihan Bank tentang perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan yang akan dianggap telah diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh penerbitan pertama dalam mana-mana akhbar harian pilihan Bank; dan/atau
- c. by posting an insertion in the Bank's statement of account of such changes and its effective date of change which shall be deemed received by or communicated to the Applicant three (3) calendar days after the date of posting of the Bank's statement of account to Applicant to the last known address of the Applicant in the Bank's record; and/or
dengan memasukkan catatan dalam penyata akaun Bank perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan yang akan dianggap telah diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon tiga (3) hari

kalendar selepas tarikh penyata akaun Bank diposkan kepada Pemohon ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank; dan/atau

- d. by posting a notice of such changes and its effective date of change to the Applicant by way of an ordinary or registered post to the last known address of the Applicant in the Bank's record which shall be deemed received by or communicated to the Applicant three (3) calendar days after the date of posting of the notice to the Applicant by ordinary or registered post; and/or
dengan menghantar notis tentang perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut kepada Pemohon melalui pos biasa atau berdaftar ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank yang akan dianggap telah diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon tiga (3) hari kalendar selepas tarikh penghantaran notis kepada Pemohon melalui pos biasa atau berdaftar; dan/atau
- e. by sending notice of such changes and its effective date of change by short message service ("SMS") or electronic mail to the Applicant or by posting the notice of such changes and its effective date of change on the Bank's website which shall be deemed received by or communicated to the Applicant on the date the notice of such changes are sent by SMS or electronic mail to the Applicant or the date such notice of changes are posted to the Bank's website.
dengan menghantar notis tentang perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut melalui khidmat pesanan ringkas ("SMS") atau mel elektronik kepada Pemohon atau dengan meletakkan notis tentang perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut di laman web Bank yang akan dianggap telah diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh notis perubahan sedemikian dihantar melalui SMS atau mel elektronik kepada Pemohon atau tarikh apabila notis perubahan sedemikian diletakkan di laman web Bank.

23. TIME / MASA

Time wherever mentioned herein for the Applicant's performance of these Terms shall be of the essence. Time provided by law to the Bank for the recovery of all sums due to the Bank shall not start until a demand in writing for payment has been made to the Applicant.

Masa di mana jua disebut di dalam ini untuk pelaksanaan Pemohon Terma-Terma ini hendaklah menjadi perkara mustahak. Masa yang diperuntukkan oleh undang-undang kepada Bank untuk mendapatkan balik semua jumlah yang kena dibayar kepada Bank tidak akan bermula sehingga tuntutan bertulis untuk bayaran telah dibuat kepada Pemohon.

24. NO SET-OFF BY THE APPLICANT / TIADA TOLAKAN OLEH PEMOHON

All payments to the Bank must be made without any set-off or any deduction of any taxes payable or withholding of any description. If the law requires any such deduction, the Applicant shall increase the payment to the Bank so that the net amount received by the Bank is equal to the full amount which the Bank would have received if no such deductions were needed to be made.

Semua pembayaran kepada Bank hendaklah dibuat tanpa sebarang tolakan atau sebarang potongan apa-apa cukai yang perlu dibayar atau ditangguhkan tanpa mengira jenisnya. Jika undang-undang mengkehendaki sebarang potongan sedemikian, Pemohon hendaklah menambah pembayaran kepada Bank supaya jumlah bersih yang diterima oleh Bank adalah bersamaan dengan jumlah penuh yang akan diterima oleh Bank jika potongan tersebut tidak perlu dibuat.

25. SUCCESSORS BOUND / PENGGANTI TERIKAT

These Terms will be binding on the personal representatives and/or successors-in-title of the Bank and the Applicant. If the Applicant dies, the Applicant's heirs and personal representative are required to pay the monies owing under the Facility from the assets of the estate of the deceased Applicant and no action will be taken by the Bank against the heirs and personal representative of the deceased Applicant in their personal capacity.

Terma-Terma ini hendaklah mengikat ke atas wakil peribadi dan/atau pengganti hakmilik Bank dan Pemohon. Jika Pemohon mati, waris dan wakil diri Pemohon dikehendaki untuk membayar wang yang terhutang di bawah Kemudahan daripada aset-aset harta pusaka Pemohon (si mati) dan tindakan tidak akan diambil oleh Bank terhadap waris dan wakil diri Pemohon (si mati) dalam kapasiti peribadi mereka.

26. AMENDMENTS / PINDAAN

- 26.1 The Bank may vary (whether by adding to, deleting from or otherwise amending) ("Amendment") any of these Terms by giving the Applicant prior notice of at least twenty-one (21) calendar days before the Amendment is effective. Notice of the Amendment may be given in any of the following ways:-
- Bank boleh mengubah (sama ada dengan menambah, membatalkan atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") sebarang Terma-Terma ini dengan memberikan Pemohon notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan menjadi berkuat kuasa. Notis Pindaan boleh dibuat melalui salah satu cara berikut:-*
- (a) by dispatching the same to the Applicant by courier or hand, which shall be deemed to be received by or communicated to the Applicant on the date of delivery; and/or
dengan menghantar yang sama kepada Pemohon melalui kurier atau serahan tangan yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh penyerahan; dan/atau
 - (b) by posting a notice in the Bank's premises stating such changes and its effective date of change which shall be deemed received by or communicated to the Applicant on the date of posting of the notice in the Bank's premises; and/or
dengan menampal notis di premis Bank menyatakan perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh penampalan notis di premis Bank; dan/atau
 - (c) by way of a single publication in one or more daily newspaper of the Bank's choice of such changes and its effective date of change, which shall be deemed received by or communicated to the Applicant on the date of first publication in any daily newspaper of the Bank's choice; and/or
melalui penerbitan tunggal dalam satu atau lebih akhbar harian pilihan Bank tentang perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh penerbitan pertama dalam mana-mana akhbar harian pilihan Bank; dan/atau
 - (d) by posting an insertion in the Bank's statement of account of such changes and its effective date of change which shall be deemed received by or communicated to the Applicant five (5) calendar days after the date of posting of the Bank's statement of account to Applicant to the last known address of the Applicant in the Bank's record; and/or
dengan memasukkan catatan dalam penyata akaun Bank perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon lima (5) hari kalendar selepas tarikh pengeposan penyata akaun Bank kepada Pemohon ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank; dan/atau
 - (e) by posting a notice of such changes and its effective date of change to the Applicant by way of an ordinary or registered post to the last known address of the Applicant in the Bank's record which shall be deemed received by or communicated to the Applicant five (5) calendar days after the date of posting of the notice to the Applicant by ordinary or registered post; and/or
dengan mengepos notis tentang perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut kepada Pemohon melalui pos biasa atau berdaftar ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon lima (5) hari kalendar selepas tarikh pengeposan notis kepada Pemohon melalui pos biasa atau berdaftar; dan/atau
 - (f) by sending notice of such changes and its effective date of change by short message service ("SMS") or electronic mail to the Applicant or by posting the notice of such changes and its effective date of change on the Bank's website which shall be deemed received by or communicated to the Applicant on the date the notice of such changes are sent by SMS or electronic mail to the Applicant or the date such notice of changes are posted to the Bank's website.
dengan menghantar notis tentang perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut melalui khidmat pesanan ringkas ("SMS") atau mel elektronik kepada Pemohon atau dengan meletakkan notis tentang perubahan sedemikian dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut di laman web Bank yang akan dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh notis tentang perubahan sedemikian dihantar melalui SMS atau mel elektronik kepada

Pemohon atau tarikh notis tentang perubahan sedemikian diletakkan di laman web Bank.

- 26.2 All notices or communication given by the Applicant to the Bank shall be deemed to have been received by the Bank at the time of actual receipt by the Bank.
Semua notis atau komunikasi yang diberikan oleh Pemohon kepada Bank akan dianggap diterima oleh Bank pada masa penerimaan sebenar oleh Bank.
- 26.3 (a) The Bank is irrevocably authorised (but not obliged) to contact and/or send notices to the Applicant by ordinary post, hand, courier service, electronic mail, telephone, facsimile, SMS, voice recording, text or other electronic messages or any other methods as the Bank deems fit. Notices may be sent to the Applicant's address, e-mail address or mobile phone number or other contact number or particulars on record with the Bank. Notices and/or information sent may consist of such information as the Bank deems appropriate and may include (but not be limited to) reminders sent in respect of minimum payments due, payment due dates, demand for payment of amounts due and owing to the Bank (if any), updates on benefits, programmes and promotions and/or other information of general interest and/or specific to the Applicant. Such service and/or delivery shall be deemed effective:-
Bank adalah secara tidak boleh batal diberi kuasa (tetapi tidak diwajibkan) untuk menghubungi dan/atau menghantar notis kepada Pemohon melalui pos biasa, secara tangan, perkhidmatan kurier, mel elektronik, telefon, faksimile, SMS, rakaman suara, teks atau mesej elektronik lain atau sebarang cara lain seperti yang dianggap sesuai oleh Bank. Notis boleh dihantar ke alamat, alamat e-mel atau nombor telefon mudah alih atau nombor hubungan atau butir-butir lain Pemohon dalam rekod Bank. Notis dan/atau maklumat yang dihantar boleh mengandungi maklumat yang dianggap sesuai oleh Bank dan boleh termasuk (tetapi tidak terhad kepada) peringatan yang dihantar berkenaan dengan bayaran minimum yang kena dibayar, tarikh matang bayaran, tuntutan untuk bayaran jumlah yang kena dibayar dan terutang kepada Bank (jika ada), kemas kini mengenai faedah, program dan promosi dan/atau maklumat lain berkenaan dengan kepentingan umum dan/atau khusus kepada Pemohon. Perkhidmatan dan/atau penghantaran tersebut hendaklah dianggap berkesan:-
- (i) three (3) calendar days after posting to the last known address of the Applicant in the Bank's record, if sent by post; and/or
tiga (3) hari kalendar selepas pengeposan ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank, jika dihantar melalui pos; dan/atau
 - (ii) at the time of delivery, if delivered by hand or courier; and/or
pada masa penyampaian, jika dihantar secara serahan tangan atau kurier; dan/atau
 - (iii) at the time the notices are sent by facsimile, e-mail or other forms of instantaneous communication (including SMS and voice recording).
pada masa notis dihantar melalui faksimile, e-mel atau bentuk komunikasi serta-merta lain (termasuk SMS dan rakaman suara).
- The Applicant is responsible for the security and safekeeping of the information he receives and shall ensure that such notices sent by the Bank are not disclosed to or accessible by any other parties ('disclosure to third parties').
Pemohon hendaklah bertanggungjawab ke atas keselamatan dan penyimpanan maklumat yang diterima olehnya dan hendaklah memastikan bahawa notis-notis tersebut yang dihantar oleh Bank tidak didedahkan kepada atau diberi akses kepada mana-mana pihak lain ('pendedahan kepada pihak ketiga').
- (b) The Bank shall not be liable to the Applicant for any loss or damage (direct, indirect, special or consequential), loss of business or profits, embarrassments, losses or damages whatsoever suffered by the Applicant arising from or occasioned by any:-
- (i) malfunction or defect in the transmission of information for whatever reason;
 - (ii) inaccuracy, incompleteness, delay or non-delivery of any information transmitted or wrongful transmission of any information to any third party;
 - (iii) wrongful, unauthorised or improper access to, use or interpretation of the information transmitted; and
 - (iv) claim for libel or slander arising from the transmission of any information
- unless caused directly by the Bank's gross negligence or wilful default. Notices may be sent in Bahasa Malaysia, English or any other languages determined by the Bank.

Bank tidak akan menanggung liabiliti kepada Pemohon untuk sebarang kerugian atau kerosakan (secara langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit), kehilangan dalam perniagaan atau keuntungan, perasaan malu, kerugian atau kerosakan dalam apa jua jenis yang ditanggung oleh Pemohon yang timbul daripada atau disebabkan oleh mana-mana:-

- (i) ketidakfungsian atau kegagalan dalam penghantaran maklumat untuk sebarang sebab;
- (ii) ketidaktepatan, ketidaklengkapan atau kelewatan atau kegagalan penghantaran sebarang maklumat yang dihantar atau kesalahan penghantaran sebarang maklumat kepada mana-mana pihak ketiga;
- (iii) pengaksesan, pengaksesan, penggunaan atau pentafsiran maklumat yang dihantar dengan tidak tepat, tanpa kebenaran, atau tidak wajar; dan
- (iv) tuntutan libel atau fitnah yang timbul daripada penghantaran sebarang maklumat,

melaikan timbul secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank. Notis boleh dihantar dalam Bahasa Malaysia, Inggeris atau sebarang bahasa lain yang ditentukan oleh Bank.

27. INDEMNITY / TANGGUNG RUGI

The Bank shall not be responsible and/or liable for any damages, losses, compensations, claims, actions or any costs incurred by the Applicant unless they arise from and are caused directly by the Bank's gross negligence or wilful default.

The Applicant also agrees to indemnify the Bank fully against all damages, losses, compensations, claims, actions, costs, charges or expenses which the Bank suffers or incurs arising from the Bank carrying out any instructions or acts permitted by the Applicant under these Terms and / or related to Facility unless they arise from and are caused directly by the Bank's gross negligence or wilful default.

Bank tidak akan bertanggungjawab dan/atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, kehilangan, gantirugi, tuntutan, tindakan atau sebarang kos yang perlu ditanggung oleh Pemohon melainkan mereka ia timbul dari dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank. Pemohon juga bersetuju menanggung rugi sepenuhnya Bank di atas semua kehilangan, kerugian, gantirugi, tuntutan, tindakan, kos, caj atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Bank yang timbul daripada pelaksanaan Bank sebarang arahan atau tindakan yang dibenarkan oleh Pemohon di bawah Terma-Terma ini dan / atau berkenaan dengan Kemudahan melainkan mereka timbul dari dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

28. PRIVACY CLAUSE / KLAUSA PRIVASI

The Applicant hereby confirms that the Applicant has read, understood and agreed to be bound by the CIMB Group Privacy Notice (which is available at www.cimb.com.my) and the clauses herein, as may relate to the processing of the Applicant's personal information. For the avoidance of doubt, the Applicant agrees that the said Privacy Notice shall be deemed to be incorporated by reference into these Terms.

Pemohon dengan ini mengesahkan bahawa Pemohon telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my) dan klausa-klausa di dalam ini, yang berkaitan dengan pemrosesan maklumat peribadi Pemohon. Untuk mengelakkan keraguan, Pemohon bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai digabungkan di dalam Terma-Terma ini secara rujukan.

- (a) If the Applicant provides personal and financial information relating to third parties, including information relating to the Applicant's next-of-kin and dependents or information relating to the guarantors and security providers for the purpose of opening or operating the Applicant's account(s)/facility(ies) with the Bank or otherwise subscribing to the Bank's products and services, the Applicant (a) confirms that the Applicant has obtained their consent or are otherwise entitled to provide this information to the Bank and for the Bank to use it in accordance with these Terms; (b) agrees to ensure that the personal and financial information of the said third parties is accurate; (c) agrees to update the Bank in writing in the event of any material change to the said personal and financial information; and (d) agrees to the Bank's right to terminate the Facility should such consent be withdrawn by any of the said third parties.

Jika Pemohon memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris terdekat dan tanggungan Pemohon atau maklumat yang berhubung dengan penjamin dan penyedia sekuriti untuk tujuan membuka atau mengendalikan

akaun/kemudahan Pemohon dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemohon (a) mengesahkan bahawa Pemohon telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya layak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut Terma-Terma ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memberi kemas kini kepada Bank secara bertulis jika terdapat sebarang perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju akan hak Bank untuk menamatkan Kemudahan jika persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.

- (b) Where the Applicant instructs the Bank to effect any sort of cross-border transaction (including to make or receive payments), the details relevant to the cross-border transaction (including information relating to those involved in the said transaction) may be received from or sent abroad, where it could be accessible (whether directly or indirectly) by overseas regulators and authorities in connection with their legitimate duties (e.g. the prevention of crime). In instructing the Bank and/or the Bank's agents to enter into any cross-border transaction on the Applicant's behalf, the Applicant agrees to the above said disclosures on behalf of the Applicant and others involved in the said cross-border transaction.

Di mana Pemohon mengarahkan Bank untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat yang berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia mungkin boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan tanggungjawab sah mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk melakukan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak Pemohon, Pemohon bersetuju akan pendedahan yang disebutkan di atas bagi pihak Pemohon dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.

- (c) The Bank may at any time and from time to time now and/or in the future carry out the necessary reference checks including but not limited to credit reporting/reference checks with credit reporting/reference agencies, including but not limited to CCRIS, FIS and/or any other agencies and/or from any financial institution to enable the Bank to ascertain the Applicant's status as may be required to help make decisions, for example when the Bank needs to (a) check details on applications for credit and credit-related or other facilities; (b) manage credit and credit-related accounts or facilities, including conducting reviews of the Applicant's portfolios; and/or recover debts; and/or any purpose related to or in connection with the account/facility under these Terms. The Applicant will be linked by credit reporting/reference agencies to any other names the Applicant uses or has used, and any joint and several applicants. The Bank may also share information about the Applicant and how the Applicant manages his/her account(s)/facility(ies) with relevant credit reporting/reference agencies and for any of these credit reporting/reference agencies to disclose the Applicant's credit information to its subscribers for purposes of fraud detection and fraud prevention.

Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau pada masa depan melakukan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan laporan/rujukan kredit dengan agensi-agensi laporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank untuk memastikan status Pemohon seperti yang mungkin diperlukan untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) memeriksa butiran mengenai permohonan kemudahan kredit, berkaitan dengan kredit atau yang lain; (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit atau berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio Pemohon; dan/atau mendapatkan semula hutang; dan/atau sebarang tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan akaun/kemudahan di bawah Terma-Terma ini. Pemohon akan dikaitkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang Pemohon gunakan atau telah gunakan, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan.

Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pemohon dan bagaimana Pemohon menguruskan akaun/kemudahannya dengan agensi-agensi laporan/rujukan kredit yang berkenaan dan bagi mana-mana agensi-agensi laporan/rujukan kredit ini untuk mendedahkan informasi kredit Pemohon kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.

- (d) Even after the Applicant has provided the Bank with any information, the Applicant will have the option to withdraw the consent given earlier, except where such disclosure of the Applicant's information is necessary for the provision of the Facility and/or related services or the performance of the contract with the Applicant to comply with contractual requirements or to comply with any legal requirements. Walaupun selepas Pemohon telah memberikan apa-apa maklumat kepada Bank, Pemohon akan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini kecuali di mana pendedahan maklumat Pemohon sedemikian diperlukan untuk penyediaan Kemudahan dan/atau perkhidmatan berkaitan atau prestasi kontrak dengan Pemohon untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.
- (e) For the purposes of this Clause, the CIMB Group consists of CIMB Group Holdings Berhad and all its related companies as defined in Section 7 of the Companies Act 2016 and jointly controlled companies that provide financial and other regulated services, excluding companies, branches, offices and other forms of presence operating outside Malaysia, and the use of the word "the Bank" is to be read as references to the CIMB Group. Untuk tujuan Klausula ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan kawal selia lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada Kumpulan CIMB.
- (f) This clause shall be without prejudice to any other clause in these Terms which provides for the disclosure of information. Klausula ini hendaklah tanpa prejudis kepada klausula-klausula lain di dalam Terma-Terma ini yang memberikan pendedahan maklumat.
- (g) The Bank shall not in any manner be liable for any claim, loss, damage (financial and otherwise), injury, embarrassment or liability howsoever arising whether in contract, tort, negligence, strict liability or any basis (including direct or indirect, special, incidental, consequential or punitive damages or loss of profits or savings) arising from any inaccuracy or loss, deletion or modification of data or for any other reasons whatsoever relating to any information forwarded by the Bank to such credit reporting/reference agencies and/or such other party, as the case may be, or in relation to any access or use, or the inability to access or use by such credit reporting/reference agencies and/or such other party or reliance on the information contained therein, whether caused by any technical, hardware or software failure of any kind, the interruption, error, omission, delay, virus or otherwise howsoever unless the same is caused directly by the Bank's gross negligence or wilful default. Bank tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kehilangan, kerugian (kewangan dan sebaliknya), kecederaan, rasa malu atau liabiliti yang timbul dalam apa jua keadaan sama ada dalam kontrak, tort, kecuai, liabiliti ketat atau apa-apa dasar (termasuk kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, akibat atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) yang timbul daripada sebarang ketidaktepatan atau kerugian, pemotongan atau modifikasi data atau untuk sebarang sebab lain berkaitan dengan sebarang maklumat yang dikemukakan oleh Bank kepada agensi-agensi laporan/rujukan kredit dan/atau mana-mana pihak lain, mengikut mana yang berkenaan, atau berhubung dengan apa-apa akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk akses atau mengguna oleh agensi laporan/rujukan kredit tersebut dan/atau mana-mana pihak lain tersebut atau pergantungan pada maklumat yang terkandung dalamnya, sama ada disebabkan oleh apa-apa kegagalan teknikal, perkakasan atau perisian dalam apa jua bentuk, gangguan, kesilapan, ketinggalan, penangguhan, virus atau sebagainya melainkan jika ia disebabkan secara langsung oleh kecuai melampau atau keingkaran sengaja Bank.

29. OTHERS / LAIN-LAIN

For any complaint relating to these Terms and the Facility, the Applicant may contact the Bank's Customer Resolution Unit at the following address, e-mail address and telephone numbers (or such other address, e-mail address and telephone numbers notified to the Applicant):-

Jika terdapat sebarang aduan berkenaan dengan Terma-Terma ini dan Kemudahan, Pemohon boleh hubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank di alamat, alamat e-mel dan nombor telefon berikut (atau alamat, alamat e-mel dan nombor telefon lain yang boleh dimaklumkan kepada Pemohon):-

Customer Resolution Unit
P.O. Box 10338
GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel : +603 6204 7788
E-mail : contactus@cimb.com

Unit Resolusi Pelanggan
Peti Surat 10338
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel : +603 6204 7788
E-mel : contactus@cimb.com

30. INTERPRETATIONS / PENTAFSIRAN

In the event of any inconsistency, conflict, ambiguity or discrepancy between the English version or any other versions of these Terms, the English version shall prevail. Notwithstanding the aforementioned, where request is made by the Applicant and noted and acknowledged by the Bank in its records that the Bahasa Malaysia version of these Terms shall govern the operations of the Facility then the Bahasa Malaysia version of these Terms shall prevail.

Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi Terma ini dalam Bahasa Inggeris dan mana-mana versi lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh Pemohon dan dicatat dan diakui oleh Bank dalam rekodnya bahawa versi Terma ini dalam Bahasa Malaysia akan mengawal operasi Kemudahan, maka versi Terma ini dalam Bahasa Malaysia akan mengatasi yang lain.

31. DELIVERY OF FINANCING SERVICE DOCUMENTS / PENGHANTARAN DOKUMEN PERKHIDMATAN PEMBIAYAAN

The Applicant acknowledges and agrees that the Applicant's email address will be used by the Bank as the primary method for delivery of financing service documents. These financing service documents may include, but not limited to, e-statement(s), redemption or settlement letter, post disbursement letter, post Product Disclosure Sheet and other relevant correspondences relating to the Facility. Nevertheless, the Applicant may request for a hard copy of any these documents and correspondence. In the event that the email address is not provided or is invalid, the Bank will proceed to send physical copies of the documents to the Applicant's address accordingly. The Applicant is responsible for maintaining a valid email address and ensuring its accessibility for the receipt of these financing service documents.

Pemohon mengakui dan bersetuju bahawa alamat emel Pemohon akan digunakan oleh Bank sebagai kaedah utama untuk menghantar dokumen-dokumen perkhidmatan pembiayaan. Dokumen-dokumen perkhidmatan pembiayaan ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, e-Psurat penebusan atau penyelesaian, surat pengeluaran penuh, Lembaran Pendedahan Produk dan surat-menyurat lain yang berkaitan. Walau bagaimanapun, Pemohon boleh meminta salinan fizikal bagi mana-mana dokumen dan surat-menyurat ini. Sekiranya alamat emel tidak diberikan atau tidak sah, Bank akan meneruskan penghantaran salinan fizikal dokumen-dokumen tersebut ke alamat Pemohon dengan sewajarnya. Pemohon bertanggungjawab untuk memastikan alamat emel yang sah dan memastikan penerimaan dokumen-dokumen perkhidmatan pembiayaan ini dapat diakses.